

SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Tambahan Kedua

Diterbitkan dengan kuasa

JIL. LIII

KOTA KINABALU, KHAMIS, 2 APRIL 1998

[No. S 1

No. S 1

[No. JPBN. 260 Vol. V/(73)

ENAKMEN HUTAN 1968

KAEDAH-KAEDAH HUTAN (KAWASAN PEMELIHARAAN LEMBAH
MALIAU) 1998

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 42 Enakmen Hutan 1968, Ketua Menteri dengan ini membuat kaedah-kaedah berikut:

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Hutan (Kawasan Pemeliharaan Lembah Maliau) 1998 dan hendaklah disifatkan sebagai mula berkuatkuasa pada 31 Disember 1997.

Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Keistimewaan-keistimewaan dan syarat-syarat dinyatakan dalam kaedah-kaedah ini hendaklah digunakan untuk kawasan Hutan Simpan Lembah Maliau sebagaimana ditandakan dalam F.D. Pelan No. 91/88C (kemudian daripada ini dipanggil "Simpanan itu").

2. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Jawatankuasa Pengurusan Kawasan Pemeliharaan Lembah Maliau (kemudian daripada ini dipanggil "Jawatankuasa Pengurusan") untuk menasihati Pengarah atas pemeliharaan dan perlindungan Simpanan itu sebagai satu hutan hujan tropika yang kekal bagi tujuan kajian saintifik, rekreasi dan perlindungan ekologi, alam sekitar dan keadaan iklim.

Jawatankuasa Pengurusan.

0

0

(2) Keahlian Jawatankuasa Pengurusan hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) Pengarah Jabatan Hutan atau wakilnya;
- (b) wakil dari Yayasan Sabah;
- (c) wakil dari Universiti Malaysia Sabah;
- (d) wakil dari Kementerian Pelancongan dan Pembangunan Alam Sekitar;
- (e) wakil dari Jabatan Hidupan Liar;
- (f) wakil dari Taman-Taman Sabah;
- (g) wakil dari Muzium Sabah;
- (h) wakil dari Universiti Kebangsaan Malaysia;
- (i) wakil dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia;
- (j) wakil dari Universiti Pertanian Malaysia; dan
- (k) wakil dari Universiti Malaysia Sarawak.

(3) Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan hendaklah dilantik oleh Ketua Menteri Sabah secara bergilir-gilir di antara kalangan yang berikut:

- (a) Pengarah Hutan atau wakilnya;
- (b) wakil dari Yayasan Sabah;
- (c) wakil dari Kementerian Pelancongan dan Pembangunan Alam Sekitar; dan
- (d) wakil dari Universiti Malaysia Sabah;

Dengan syarat bahawa walau apapun peruntukan di atas, Ketua Menteri dengan budibicara mutlaknya boleh melantik mana-mana orang yang dia anggap sesuai untuk menjadi Pengerusi.

(4) Pengerusi hendaklah memegang jawatan bagi tempoh dua tahun bermula dari tarikh perlantikannya.

(5) Setiausaha hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Pengurusan di antara kalangan orang-orang yang berkhidmat dalam Yayasan Sabah bagi tempoh yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan.

(6) Jawatankuasa Pengurusan hendaklah mempunyai kuasa untuk menentukan prosedurnya sendiri.

Peranan
Jawatankuasa
Pengurusan.

3. Peranan Jawatankuasa Pengurusan hendaklah untuk merancang, menyelaras, memudahkan, mengawasi dan menilai matlamat-matlamat pengurusan berikut bagi Simpanan itu:

- (i) perlindungan untuk selama-lamanya seberapa banyak yang mungkin kepelbagaian biologi, dijelaskan secara genetik, individu, sub-spesis, spesies, habitat dan peringkat-peringkat ekosistem organisasi;
- (ii) pemajuan penyelidikan kepada semua aspek komposisi dan memfungsikan ekosistem Simpanan itu termasuk pengajian perbandingan gangguan dan proses-proses pemulihan berikutan dengan pembalakan di kawasan-kawasan yang berhampiran;
- (iii) pemajuan pelajaran dan latihan dalam pemeliharaan, sejarah asli, ekologi, perhutanan dan sains yang berkaitan;
- (iv) pemajuan Simpanan itu bagi rekreasi yang sesuai dan pelancongan alam, dengan syarat aktiviti-aktiviti tersebut tidak secara maksud mengkompromi matlamat-matlamat pengurusan yang dinyatakan di atas; dan
- (v) integrasi matlamat-matlamat tersebut di atas bagi Simpanan itu berserta dengan pemajuan kawasan persekitaran yang dirancang untuk mencipta contoh kawasan pengurusan hutan yang mencantumkan pemeliharaan, perhutanan dan aktiviti-aktiviti pelancongan alam atas asas jangka panjang yang berkekalan.

4. Jawatankuasa Pengurusan hendaklah mempunyai fungsi-fungsi dan kuas-kuasa berikut:

- (i) untuk mengundang organisasi-organisasi lain termasuk organisasi-organisasi luar negara ke dalam Jawatankuasa Pengurusan secara *ad hoc*;
- (ii) untuk menjalinkan perhubungan dengan organisasi-organisasi tempatan atau luar negeri bagi tujuan penyelidikan, pemeliharaan dan pendidikan;
- (iii) untuk menasihati atas apa-apa cadangan bagi pemajuan dalam Simpanan itu;
- (iv) untuk mentaksirkan, menerima dan menolak apa-apa penyelidikan yang dirangka untuk dijalankan dalam Simpanan itu;
- (v) untuk melaksanakan dengan cara sesuai penemuan penyelidikan untuk kepentingan negara; dan
- (vi) untuk menasihati atas garis panduan tentang peranan rakan-rakan sekutu.

5. Tanpa menjejaskan tugas-tugas dan kuasa-kuasa Pengarah dan pegawai-pegawai hutan lain di bawah Enakmen Hutan 1968, pengurusan hari ke hari Simpanan itu hendaklah dijalankan oleh Yayasan Sabah, yang mana dengan perundingan Jawatankuasa Pengurusan, boleh menentukan prosedur bagi perkara-perkara berikut:

- (a) corak pengurusan organisasi;

Kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Jawatankuasa Pengurusan.

Pengurusan hari ke hari Enakmen No. 2 tahun 1968.

- (b) pengawalan dan pengawalseliaan kemasukan orang-orang ke dalam Simpanan itu termasuk pengawalseliaan-pengawalseliaan tempoh masa selama mana orang-orang boleh tinggal di dalamnya dan syarat-syarat di bawah mana mereka boleh berbuat demikian;
- (c) penubuhan pusat-pusat penyelidikan, rumah-rumah penginapan hutan, menara-menara tinjauan, kabin-kabin dan struktur-struktur lain yang sama sebagaimana boleh dianggap perlu untuk menjalankan tujuan-tujuan Simpanan itu; dan
- (d) perkara-perkara lain yang perlu bagi menjalankan dengan lebih efektif fungsi-fungsinya dan tugas-tugasnya yang berkaitan dengan pengurusan hari ke hari Simpanan itu.

Diperbuat di Kota Kinabalu pada 16 Mac 1998.

DATUK YONG TECK LEE,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JPBN. 260 Vol. VI/(73)]

THE FOREST ENACTMENT 1968

THE FOREST (MALIAU BASIN CONSERVATION AREA) RULES, 1998

In exercise of the powers conferred upon him under section 42 of the Forest Enactment 1968, the Chief Minister hereby makes the following rules:

Citation,
commencement
and application

1. (1) These rules may be cited as the Forest (Maliau Basin Conservation Area) Rules 1998 and shall be deemed to have come into operation on 31st December, 1997.

(2) The privileges and conditions declared in these rules shall apply to the area of the Maliau Basin Forest Reserve as delineated on F.D. Plan No. 91/88C (hereinafter called "The Reserve").

Management
Committee.

2. (1) There shall be established the Maliau Basin Conservation Management Committee (hereinafter called "the Management Committee") to advise the Director on the conservation and protection of the Reserve as a permanent tropical rain forest for the purposes of scientific research, recreation and protection of ecology, environment and climatic condition.

(2) The membership of the Management Committee shall consist of the following:

- (a) the Director of Forest Department or his representative;
- (b) a representative of the Sabah Foundation;
- (c) a representative of the University Malaysia Sabah;
- (d) a representative of the Ministry of Tourism and Environmental Development;
- (e) a representative of the Department of Wildlife;
- (f) a representative of the Sabah Parks;
- (g) a representative of the Sabah Museum;
- (h) a representative of the National University of Malaysia;
- (i) a representative of the Forest Research Institute of Malaysia;
- (j) a representative of the Agriculture University of Malaysia; and
- (k) a representative of the University Malaysia Sarawak.

(3) The Chairman of the Management Committee shall be appointed by the Chief Minister of Sabah on rotation among the following:

- (a) the Director of Forest or his representative;
- (b) the representative of Sabah Foundation;
- (c) the representative of the Ministry of Tourism and Environmental Development; and
- (d) the representative of University Malaysia Sabah;

Provided that notwithstanding the above provision, the Chief Minister may in his absolute discretion appoint such person as he may deem fit to be the Chairman.

(4) The Chairman shall hold office for a term of two years from the date of his appointment.

(5) The Secretary shall be appointed by the Management Committee from among persons serving in the Sabah Foundation for such period as may be determined by the Management Committee.

(6) The Management Committee shall be the powers to determine its own procedure.

3. The role of the Management Committee shall be to plan, co-ordinate, facilitate, monitor and evaluate the following management objectives for the Reserve:

- (i) the protection in perpetuity of as much as possible of the biological diversity, expressed at genetic, individual, sub-species, species, habitat and ecosystem levels of organisation;

Role of the
Management
Committee.

- (ii) the promotion of research into all aspects of the composition and functioning of the Reserve's ecosystem including comparative studies of disturbance and recovery processes following logging of nearby areas;
- (iii) the promotion of education and training in conservation, natural history, ecology, forestry and related sciences;
- (iv) the promotion of the Reserve for appropriate recreation and nature tourism, provided such activities do not significantly compromise the management objectives stated above; and
- (v) the integration of the objectives for the Reserve with other planned development in surrounding areas so as to create a model forest management area that combines conservation, forestry and nature tourism activities on a sustainable long-term basis.

Powers and functions of the Management Committee.

4. The Management Committee shall have the following functions and powers:

- (i) to invite other organisations including overseas organisations into the Management Committee on an *ad hoc* basis;
- (ii) to forge relationship with local or overseas organisations for the purpose of research, conservation and education;
- (iii) to advise on any proposal for development within the Reserve;
- (iv) to assess, accept and reject any proposed research to be carried out within the Reserve;
- (v) to address appropriately the findings of research in the national interest; and
- (vi) to advise on guidelines of the role of collaborators.

Day-to-day Management. Enactment No. 2 of 1968.


5. Without prejudice to the duties and powers of the Director and other forest officers under the Forest Enactment 1968, the day-to-day management of the Reserve shall be carried out by the Sabah Foundation, which in consultation with the Management Committee, may determine the procedure for the following matters:

- (a) the matrix of the management organisation;
- (b) the control and regulation of entry of persons into the Reserve including the regulation of the period during which persons may remain therein and the conditions under which they may do so;
- (c) the establishment of such research centres, jungle lodges, observatory towers, cabins and other similar structures as may be deemed necessary to carry out the purposes of the Reserve; and

- (d) such other matters as may be necessary for the more effectually carrying out of its functions and duties in connection with the day-to-day management of the Reserve.

Made at Kota Kinabalu, this 16th day of March, 1998.

DATUK YONG TECK LEE,
Chief Minister of Sabah.



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Tambahan Kedua

Diterbitkan dengan kuasa

JIL. LXVII] KOTA KINABALU, KHAMIS, 22 NOVEMBER 2012

[No. S 4

No. S 4

[No. JPBS (S) 600-1/18 Kit. 4

ENAKMEN HUTAN 1968

(Enakmen No. 2 tahun 1968)

KAEDAH-KAEDAH HUTAN

(KAWASAN PEMELIHARAAN LEMBAH DANUM) (PINDAAN) 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 42 Enakmen Hutan 1968, Kema Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

- (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Hutan (Kawasan Pemeliharaan Lembah Danum) (Pindaan) 2012.
- (2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 1 April 2012.

Pindaan Kaedah 1

2. Kaedah-Kaedah Hutan (Kawasan Pemeliharaan Lembah Danum) 1996 [G.M.S. 1 tahun 1996], dipinda dalam subkaedah 1(2) dengan memasukkan selepas perkataan "F.D. Pelan No. 91/88C" perkataan "Hutan Simpan Mount Louisa sebagaimana ditandakan dalam F.D. Pelan No. 91/100, Hutan Simpan Bukit Piron sebagaimana ditandakan dalam F.D. Pelan No. 77/123 dan Hutan Simpan Sungai Taliwas sebagaimana ditandakan dalam F.D. Pelan No. 78/171".

Dibuat 16 November 2012.

DATUK SERI PANGlima MUSA HAJI AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JPBNS (S) 600-1/18 Kit. 4

FOREST ENACTMENT 1968
(Enactment No. 2 of 1968)

FOREST (DANUM VALLEY CONSERVATION AREA) (AMENDMENT) RULES 2012

In exercise of the powers conferred by section 42 of the Forest Enactment 1968, the Chief Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the Forest (Danum Valley Conservation Area) (Amendment) Rules 2012.
- (2) These Rules are deemed to have come into operation on 1 April 2012.

Amendment of rule 1

2. The Forest (Danum Valley Conservation Area) Rules 1996 [*G.N.S. 1 of 1996*], is amended in subrule 1(2) by inserting after the words "F.D. Plan No. 91/88C" the words ", Mount Louisa Forest Reserve as delineated on F.D. Plan No. 91/100, Bukit Piton Forest Reserve as delineated on F.D. Plan No. 77/123 and Sungai Taliwas Forest Reserve as delineated on F.D. Plan No. 78/17)".

Made 16 November 2012.

DATUK SERI PANGlima MUSA HAJI AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 55

[No. JPBNS (S) 600-1/18 Kit. 4

ENAKMEN HUTAN 1968
(Enakmen No. 2 tahun 1968)

KAEDAH-KAEDAH HUTAN

KAWASAN PEMELIHARAAN LEMBAH MALIAU: (FINDAAN) 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 42 Enakmen Hutan 1968, Ketua Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan perincian kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini hendaklah dinamakan Kaedah-Kaedah Hutan (Kawasan Pemeliharaan Lembah Maliau) (Pindaan) 2012.
- (2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 1 April 2012.

Pindaan Kaedah 1

2. Kaedah-Kaedah Hutan (Kawasan Pemeliharaan Lembah Maliau) 1998 [*G.N.S. 1 tahun 1998*], yang disebut "Kaedah-Kaedah ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam subkaedah 1(2) dengan memasukkan selepas perkataan "F.D. Pejan No. 91/88C" perkataan "dan Hutan Simpan Maliau Buffer Zone sebagaimana ditandakan dalam F.D. Pejan No. 102/94".

Pindaan Kaedah 2

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam subkaedah 2(2) –
 - (a) dengan memotong perkataan "dan" yang terdapat di hujung perenggan (j);
 - (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (k) perkataan "; dan"; dan
 - (c) dengan memasukkan selepas perenggan (k) perenggan yang berikut:

"(l) wakil Syarikat Sapulut Forest Development Corporation Sdn. Bhd."

Dibuat 16 November 2012.

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAN AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JPENS (S) 600-1/18 Klt. 4

FOREST ENACTMENT 1968
(Enactment No. 2 of 1968)

FOREST (MALIAU BASIN CONSERVATION AREA) (AMENDMENT) RULES 2012

In exercise of the powers conferred by section 42 of the Forest Enactment 1968, the Chief Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the Forest (Maliau Basin Conservation Area) (Amendment) Rules 2012.
- (2) These Rules are deemed to have come into operation on 1 April 2012.

Amendment of rule 1

2. The Forest (Maliau Basin Conservation Area) Rules 1998 (*G.N.S. 1 of 1998*), which are referred as the "the principal Rules" in these Rules, is amended in subrule 1(2) by inserting after the words "P.D. Plan No. 91/88C" the words "and Maliau Buffer Zone Forest Reserve as delineated on F.D. Plan No. 102/94".

Amendment of rule 2


3. The principal Rules are amended in subrule 2(2) -

- (a) by deleting at the end of paragraph (j) the word "and";
- (b) by substituting for the full stop at the end of paragraph (k) the words " and "; and
- (c) by inserting after paragraph (k) the following paragraph:
"(l) a representative of the Sapulut Forest Development Corporation Sdn. Bhd."

Made 16 November 2012.

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,
Chief Minister of Sabah.





SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Tambahan Kedua

Diterbitkan dengan kuasa

JIL. LXXI]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 14 JULAI 2016

[No. S 9

No. S 13

[No. JPBNS (S). 600-1/8/16 Klt. 2

ENAKMEN HUTAN 1968

(No. 2 Tahun 1968)

KAEDAH-KAEDAH HUTAN (PINDAAN) (NO. 6) 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 42 Enakmen Hutan 1968 [No. 2 tahun 1968], Ketua Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Hutan (Pindaan) (No. 6) 2016.
- (2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2016.

Pindaan Jadual I

2. Kaedah-Kaedah Hutan 1969 [G.N.S. No. 17 tahun 1969], dipinda dalam Jadual II dengan menggantikan Bahagian D dengan bahagian yang lain berikut:



- (a) the matrix of the management organization of the Forest Reserve;
- (b) the control and regulation of entry of persons into the Forest Reserve including the regulation of the period during which persons may remain therein and the conditions under which they may do so;
- (c) the establishment of such research centres, jungle lodges, observatory towers, cabins and other similar structures as may be deemed necessary to carry out for the purpose of the Forest Reserve; and
- (d) such other matters as may be necessary for the more effectual carrying out such day-to-day management of the Forest Reserve.

Made 3 May 2016.

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN.
Chief Minister of Sabah.

No. S 16

[No. JPBNS (S), 600-1/8/16 Klt. 2

ENAKMEN HUTAN 1968

(No. 2 Tahun 1968)

KAEDAH-KAEDAH HUTAN

(KAWASAN PEMELIHARAAN LEMBAH MALIAU) (PINDAAN) 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 42 Enakmen Hutan 1968 [No. 2 tahun 1968], Ketua Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Hutan (Kawasan Pemeliharaan Lembah Maliau) (Pindaan) 2016.
- (2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2015.

Pindaan kaedah I

2. Kaedah-Kaedah Hutan (Kawasan Pemeliharaan Lembah Maliau) 1998 [G.N.S 1 tahun 1998], yang disebut "Kaedah-Kaedah ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam subkaedah I(2):
 - (a) dengan menggantikan perkataan "dan" dengan koma; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas perkataan "F.D. Pelan No. 102/94" perkataan "Hutan Simpan Gunung Rara Wildlife Corridor sebagaimana ditandakan dalam F.D. Peta No. 89/71, Hutan Simpan Maliau Buffer Zone (Tambahan) sebagaimana ditandakan dalam F.D. Peta No. 102/103, Hutan Simpan Tambulanan sebagaimana ditandakan dalam F.D. Peta No. 103/92, Hutan Simpan Sungai Anjeranjermut sebagaimana ditandakan dalam F.D. Peta No. 103/98, Hutan Simpan Sungai Sumagas sebagaimana ditandakan dalam F.D. Peta No. 104/144, Hutan Simpan Sungai Tiagau sebagaimana ditandakan F.D. Peta No. 103/93 dan Hutan Simpan Sungai Tiagau (Tambahan) sepertimana ditandakan dalam F.D. Peta No. 104/143".

Pindaan kaedah 2

3. Kaedah 2 Kaedah-Kaedah ibu dipinda -

(a) dalam subkaedah (2) -

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan "Hutan" dengan perkataan "Perhutanan";
- (ii) dalam perenggan (d), dengan memasukkan selepas perkataan "Pelancongan dan pembangunan" perkataan "Kebudayaan dan";
- (iii) dalam perenggan (j), dengan menggantikan perkataan "Pertanian" dengan perkataan "Putra";
- (iv) dengan memotong perkataan "dan" diujung perenggan (k);
- (v) dengan menggantikan noktah diujung perenggan (l) dengan perkataan "dan"; dan
- (vi) dengan memasukkan selepas perenggan (l) perenggan yang berikut:
~~“(m) seorang wakil dari World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia.”~~
 dan

(b) dalam perenggan (3)(a), dengan menggantikan perkataan "Hutan" dengan perkataan "Perhutanan".

Dibuat 3 Mei 2016

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JPBNS (S). 600-1/8/16 Klt. 2

FOREST ENACTMENT 1968

(No. 2 of 1968)

FOREST (MALIAU BASIN CONSERVATION AREA) (AMENDMENT) RULES 2016

In exercise of the powers conferred by section 42 of the Forest Enactment 1968 [No. 2 of 1968], the Chief Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the Forest (Maliau Basin Conservation Area) (Amendment) Rules 2016.
- (2) These Rules are deemed to have come into operation on 31 January 2015.

Amendment of rule 1

2. The Forest (Maliau Basin Conservation Area) Rules 1998 [G.N.S 1 of 1998], which are referred as the "the principal Rules" in these Rules, is amended in subrule 1(2):

- (a) by substituting for the word "and" a comma; and
- (b) by inserting after the words "F.D. Plan No. 102/94" the words ", Gunung Rara Wildlife Corridor Forest Reserve as delineated on F.D. Map No. 89/71, Maliau Butter Zone Forest Reserve (Extension) as delineated on F.D. Map No. 102/105, Tambulanan Forest Reserve as delineated on F.D. Map No. 103/92, Sungai Anjeranjermut Forest Reserve as delineated on F.D. Map No. 103/98, Sungai Sumagas Forest Reserve as delineated on F.D. Map No. 104/144, Sungai Tiagau Forest Reserve as delineated on F.D. Map No. 103/93 and Sungai Tiagau Forest Reserve (Extension) as delineated on F.D. Map No. 104/143".

Amendment of rule 2

3. Rule 2 of the principal Rules is amended –

- (a) in subrule (2) –
- (i) in paragraph (a), by substituting for the word "Forestry" the word "Forest";
 - (ii) in paragraph (d), by inserting after the word "Tourism" the word ", Culture";
 - (iii) in paragraph (j), by substituting for the word "Putra" the word "Pertanian";
 - (iv) by deleting at the end of paragraph (k) the word "and";
 - (v) by substituting for the full stop at the end of paragraph (l) the words "; and"; and
 - (vi) by inserting after paragraph (l) the following paragraph:

“(m) a representative of the World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia.”; and
- (b) in paragraph (3)(a), by substituting for the word "Forestry" the word "Forest".

Made 3 May 2016.

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. S 17

[No. JPBNS (S). 600-1/8/16 Klt. 2

ENAKMEN HUTAN 1968

(No. 2 Tahun 1968)

KAEDAH-KAEDAH HUTAN

(KAWASAN PEMELIHARAAN LEMBAH DANUM) (PINDAAN) 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 42 Enakmen Hutan 1968 [No. 2 tahun 1968], Ketua Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Hutan (Kawasan Pemeliharaan Lembah Danum) (Pindaan) 2016.
- (2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2015.

